



YAHAYA menunjukkan gambar suspek Ng Chun Ming.

• ANGGOTA polis mengangkat mayat mangsa yang ditemui mati di Taman Bercham Aman, Ipoh. - Gambar NSTP/ L.MANIMARAN

Suspek ada **sejarah** laku ganas

Oleh Balqis Jazimah
Zahari
am@hmetro.com.my

Pasangan suami isteri dipercayai dibunuh ahli keluarga sendiri

Ipoh

Sepasang suami isteri ditemui maut dipercayai dibunuh ahli keluarga di kediaman mereka di Taman Bercham Aman di sini, semalam.

Mangsa, Ng Chun Hon, 64, dan isteri Ooi Tin Lu, 59, ditemukan meninggal dunia dalam keadaan berlumuran darah.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Yahaya Hassan berkata, abang mangsa lelaki hadir di Balai Polis Bercham pada jam 8.50 pagi memaklumkan menemukan adik dan isterinya dalam keadaan tidak sedarkan diri dan berlumuran darah sebelum anggota bergegas ke lokasi kejadian.



KEDUA-DUA mangsa ditemukan di ruang tamu kediaman mereka.

"Setibanya pasukan polis bersama paramedik dari Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) mendapati dua mangsa lelaki dan wanita yang tidak sedarkan diri dan berlumuran darah.

"Kedua-dua mangsa dite-

mukan di ruang tamu dengan lelaki dalam keadaan tertiarap manakala wanita tersandar pada dinding yang disahkan sudah meninggal dunia," katanya.

Yahaya berkata, siasatan polis mendapati kedua-dua

mangsa maut akibat cedera parah pada bahagian kepala kerana senjata tajam dan objek tumpul.

"Polis masih menjalankan siasatan punca kematian, kita dipercayai mangsa meninggal dunia malam

kelmarin. Sehingga kini, kita masih belum menemui senjata yang digunakan suspek.

"Kes disiasat sebagai kes bunuh mengikut Seksyen 302, Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman mati mandatori," katanya sambil memaklumkan mangsa lelaki seorang mekanik dan isteri suri rumah.

Beliau berkata, susulan kes ini polis sedang memburu suspek yang juga adik kepada mangsa lelaki yang maut.

Katanya, suspek Ng Chun Ming, 61, merupakan ahli keluarga kepada mangsa sedang diburu.

"Pihak polis memburu suspek yang juga ahli keluarga mangsa yang sudah menghilangkan diri bersama kenderaan Proton Saga milik si mati wanita.

"Kita harap orang ramai yang ada maklumat mengenai suspek dapat berhubung terus dengan balai polis berhampiran untuk membantu siasatan," katanya.

Katanya, siasatan mendapati suspek yang tidak bekerja ada rekod jenayah lampau mengikut Seksyen 325, Kanun Keseksaan mendaatkan cedera parah.

Menurutnya, ibu mangsa lelaki berusia 90 tahun yang sudah uzur dan berkerusi roda yang juga tinggal bersama-sama berada di rumah itu ketika kejadian.

"Siasatan mendapati ada terdengar bunyi pergaduhan, tetapi setakat ini tidak ada sesiapa yang melaporkan berkenaan perkara terbabit kepada pihak polis.

"Bedah siasat akan dijalankan dan polis masih menyiasat motif pembunuhan ini," katanya.